*Jurnal Syariah, 9:1 [2000] 1-12*

# *Tadarruj* (Beransur-ansur) Dalam Pelaksanaan Hukum Islam Masa Kini

**Amir Husin Mohd Nor**

**Abstract**

*This article aims to address the significance of the gradual process (tadarruj) in the formation of Islamic law especially, during the time of the Prophet. Beside that, it also explains how the gradual process can be applied in the implementation of Islamic law in modern world.*

## Pendahuluan

Tidak dapat dinafikan bahawa perundangan Islam tertegak berdasarkan beberapa prinsip. Salah satu prinsip tersebut ialah *tadarruj* (beransur-ansur). Ini bermakna pensyariatan undang-undang Islam berlaku secara perlahan-perlahan, berperingkat-peringkat dan sedikit demi sedikit. Prinsip ini digunakan untuk memelihara kepentingan dan kemaslahatan manusia serta menghindari mereka dari sebarang kemudaratan dan kerosakan. Justeru itu, pemakaian prinsip ini banyak dipengaruhi

oleh keadaan, suasana dan cara masyarakat di sesebuah tempat tersebut. Sebelum sempurnanya penurunan wahyu, prinsip ini jelas sekali terpakai dalam banyak kes-kes yang melibatkan umat Islam.

**Bentuk *Tadarruj***

Terdapat beberapa bentuk *tadarruj* dalam pembinaan hukum, antaranya ialah:-

1. *Tadarruj Zamānī*: Hukum-hukum ini tidak diturunkan dalam satu waktu sahaja bahkan ada yang dahulu dan ada yang kemudian. Ini bermakna undang-undang Islam tidak terbentuk secara sekaligus. Sebaliknya ia memakan masa sepanjang tempoh kerasulan iaitu lebih kurang 23 tahun.
2. *Tadarruj* dalam pensyariatan hukum secara umum: Pada zaman awal Islam, pensyariatan hukum tidak hanya tertumpu kepada soal undang-undang atau syariah. Sebaliknya tumpuan adalah diberi hukum-hukum yang berkaitan dengan permasalahan akidah dan juga akhlak. Aspek-aspek ini adalah perlu bagi melengkapkan persediaan umat Islam untuk menerima tanggungjawab yang semakin bertambah iaitu hukum-hukum yang berkaitan dengan syariah seperti tanggungjawab individu, masyarakat dan juga negara yang merangkumi hukum berkaitan muamalat, nikah-kahwin, jihad, jenayah dan sebagainya.[1]
3. *Tadarruj* dilihat dari sudut *taklīf* hukum: Apa yang dimaksudkan di sini ialah sesuatu hukum itu ditaklifkan dari hukum asalnya yang harus kemudian diharamkan atau yang dilarang pada asalnya kemudian diharuskan. Misalnya, pengharaman arak. Pada awalnya arak hanya disebut sebagai sesuatu yang memudaratkan tanpa diarahkan supaya ditinggalkan sehinggalah datang ayat yang mengharamkan sama sekali meminum arak. Begitu juga dengan menziarahi kubur yang pada asalnya dilarang oleh Rasulullah tetapi kemudiannya diharuskan.[2]
4. *Tadarruj* dilihat dari sudut kuantiti *taklīf* hukum: Ini bermaksud terdapatnya unsur beransur-ansur dari sudut kuantiti taklif yang difardukan iaitu dari yang ringan kepada yang lebih berat. Contohnya dalam kewajipan solat. Pada awalnya solat adalah difardukan sebanyak dua kali sahaja kemudian selepas berlakunya Isrā' dan Mi'rāj, ianya difardukan sebanyak 5 kali sehari semalam. Begitu juga dengan zakat yang pada awalnya tidak ditentukan *niṣāb* dan *ḥaul*nya tetapi kemudian ditetap *niṣāb* atau kadarnya dan juga *ḥaul*nya.

## *Tadarruj* dan Penurunan al-Qur'an

Prinsip *tadarruj* ini sebagaimana yang dinyatakan oleh ulama-ulama adalah tidak dapat dipisahkan dalam penurunan al-Qur'an kepada Rasulullah. Ini kerana al-Qur'an sebelum diturunkan secara berperingkat-peringkat telahpun ada di Lūh Maḥfūẓ sejak azali lagi secara sempurna. Ianya kemudian diturunkan Allah ke langit bumi secara sekaligus.[4] Kemudian ia diturunkan kepada Rasulullah dalam bentuk sedikit demi sedikit dan berperingkat-peringkat bagi memenuhi manfaat dan keperluan manusia serta menghindarkan mereka dari sebarang kesusahan dan kesempitan. Hukum arak yang menyatakan haram sudah sedia ada di dalam al-Qur'an tetapi untuk kemaslahatan manusia maka tidak diturunkan terus ayat al-Qur'an yang mengharamkannya tetapi diturunkan ayat yang hanya menyatakan bahawa kemudaratan itu lebih banyak daripada manfaat kemudian turun ayat melarang sembahyang ketika mabuk. Kenapa tidak diturunkan ayat yang menyatakan pengharaman arak di peringkat awal tanpa perlu ayat-ayat lain yang menerangkan mudarat lebih banyak dari manfaat, jangan bersembahyang ketika mabuk dan sebagainya ketika mana di langit bumi itu sudah ada hukum haram meminum arak? Sudah tentu ada kemaslahatan di sebalik konsep *tadarruj* yang dipraktikkan tersebut. Jadi prinsip *tadarruj* ini tidak boleh dipisahkan dalam pelaksanaan hukum Islam. Sesuatu undang-undang itu dianggap tidak berkesan sekiranya seluruh masyarakat tidak memahami dan mematuhinya. Sedangkan kita menyakini sekiranya undang-undang Islam dijalankan maka ianya dapat mencegah dari berleluasanya jenayah. Dalam masalah ini, kesilapan adalah terletak pada aspek teknikal pelaksanaan undang-undang tersebut dan bukannya undang-undang tersebut.

## *Tadarruj* dan Suasana Masyarakat

*Tadarruj* dalam perundangan Islam sama sekali tidak boleh dipisahkan dengan keadaan dan suasana sesebuah masyarakat. Di zaman Rasulullah, persoalan ini juga menjadi faktor kenapa perundangan atau *tasyrī'* diturunkan atau dipertanggung-jawabkan secara beransur-ansur kepada umat Islam. Ini kerana setiap masyarakat mempunyai cara hidup dan adat yang tersendiri yang sebahagiannya bertentangan dengan nilai moral dan juga peradaban. Tetapi oleh kerana ianya sudah sebati dan mencengkam di dalam struktur sesebuah masyarakat maka ianya diterima tanpa persoalan. Demikian juga keadaannya dengan masyrakat Arab jāhiliah sebelum kedatangan Islam, kehidupan mereka banyak dipengaruhi oleh sistem nilai dan sosial yang ditunjangi oleh adat-istiadat dan kepercayaan karut-marut yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Kesannya, banyak tindakan dan amalan mereka yang sama sekali bertentangan dengan ajaran yang dibawa oleh Islam seperti minum arak, berzina, berjudi, bertenung nasib dan sebagainya.[5]

Dengan kedatangan Islam, usaha mengembalikan masyarakat ini perlu kepada satu usaha yang beransur-ansur dan berperingkat-peringkat supaya perubahan yang dilakukan tidak membebankan dan menyusahkan mereka. Jika dilakukan sekaligus, sudah tentu ianya menimbulkan rasa tidak puashati dan kesusahan bagi mereka terutama perkara yang berkaitan dengan adat-istiadat yang sudah diamalkan berkurun-kurun lamanya. Faktor-faktor ini kita lihat menjadi pertimbangan syarak bilamana sesuatu hukum itu diturunkan.[6] Contohnya kita lihat pengharaman arak yang mana budaya meminum arak merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat jāhiliah ketika itu. Untuk membenteras amalan ini Allah SWT tidak mengharamkannya sekaligus tetapi dilakukan secara beransur-ansur.[7] Ayat pertama yang diturunkan adalah menjelaskan tentang bahaya yang pada arak adalah lebih banyak dari manfaat yang diperolehi, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud:

> *"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muḥammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah, pada keduanya terdapat dosa besar dan terdapat manfaat bagi manusia,tetapi dosa keduanya adalah lebih besar daripada manfaatnya."*

Seterusnya ayat kedua pula menjelaskan larangan terhadap orang Islam dari bersembahyang dalam keadaan mabuk. Ini bermakna Islam melarang umat Islam daripada meminum arak ketika ingin mengerjakan sembahyang yang boleh menyebabkan mereka tidak mengetahui perbuatan sembahyang mereka dan juga apa yang mereka ucapkan. Firman Allah dalam surah al-Nisā' ayat 43 yang bermaksud:

> *"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri solat sedang kamu dalam keadaan mabuk hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan."*

Seterusnya barulah diturunkan ayat yang mengharamkan sama sekali amalan meminum arak sebagaimana firman Allah dalam surah al-Mā'idah ayat 90-91 yang bermaksud:

> *"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan solat. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada*

*melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu) atau kamu masih berdegil?"*

Di sini dapat kita simpulkan bahawa prinsip beransur-ansur ini mempunyai kaitan yang rapat dengan keadaan dan suasana sesebuah masyarakat dalam pelaksanaan undang-undang Islam.

## *Tadarruj* dan Keringanan Bagi Umat Islam

*Tadarruj* dalam pelaksanaan undang-undang Islam juga mempunyai kaitan yang rapat berhubung keringanan dan kemudahan kepada umat Islam. Ini sesuai dengan matlamat perundangan yang ditetapkan oleh syarak iaitu memberikan kemaslahatan dan menghindarkan kemudaratan.[8] Banyak ayat al-Qur'an yang menekankan permasalahan menghindarkan kesusahan dan menghilangkan kesempitan daripada umat Islam.

*"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan Dia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran."*[9]

Dalam ayat yang lain pula,

*"Allah sentiasa hendak meringankan (bebanan hukumnya) daripada kamu."*[10]

Di zaman Rasulullah s.'a.w, hukum yang ingin disyariatkan kepada umat Islam sentiasa mengambilkira permasalahan umat. Contohnya, kewajipan zakat. Pada awalnya iaitu di zaman Mekah ianya tidak dalam bentuk kewajipan tetapi lebih merupakan galakan kepada umat Islam dalam membantu sesama mereka. Ini memandangkan umat Islam yang masih baru menerima Islam, iman mereka yang masih lemah dan pegangan mereka yang masih rapuh terhadap Islam. Di samping itu terdapat berbagai kesulitan akibat tekanan orang kafir Quraish dalam melaksanakan setiap ajaran Islam. Oleh kerana itu kewajipan zakat hanya difardukan di zaman Madīnah. Dalam ertikata yang lain, hukum zakat di Mekah lebih bersifat memuji orang yang membantu fakir miskin dan mencerca orang tidak membayarnya.[11] Firman Allah yang bermaksud:

*"Berilah kepada kaum kerabat, fakir miskin, dan orang yang terlantar dalam perjalanan hak masing-masing yang demikian itu lebih baik bagi mereka yang mencari keredaan Allah."*[12]

*"Berilah para kerabat haknya, begitu pula orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan janganlah membazirkan harta kamu."*[13]

Sehingga datang ayat al-Qur'an yang mewajibkan zakat, seperti surah al-Baqarah ayat 110 yang bermaksud, *"Dirikanlah solat dan tunaikan zakat."*

Semangat *tadarruj* yang bertujuan memberikan kesenangan dan menghilangkan kesulitan ini juga dapat dilihat dalam pensyariatan. Pada awalnya umat Islam diperintahkan menunaikan solat sebanyak dua kali sehari semalam sehinggalah ianya difardukan menjadi lima kali sehari semalam. Malah al-Qurṭubī dalam mentafsirkan ayat al-Qur'an yang bermaksud: *"Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan untuk kamu bacakan kepada manusia sedikit demi sedikit dan Kami turunkan berperingkat-peringkat,"*[14] menyatakan sekiranya al-Qur'an itu turun sekaligus sudah tentu apa yang dibawanya yang terdiri dari berbagai hukum-hakam yang begitu luas menyebabkan umat Islam akan lari meninggalkan Islam dan orang kafir tidak mahu mendekati Islam.[15]

## *Tadarruj* Dan Pengamalan Ajaran Islam

*Tadarruj* dalam perundangan Islam juga mempunyai kaitan dengan pengamalan ajaran Islam itu sendiri. Pengamalan ajaran Islam dalam ertikata menghayati dan mengamalkannya adalah menjadi aspek penting selain aspek kepercayaan. Oleh kerana umat Islam masih baru dengan doktrin iman dan juga aspek-aspek hukum maka al-Qur'an telah diturunkan secara berperingkat-peringkat bagi memudahkan umat Islam untuk menghafal ayat al-Qur'an selain memudahkan mereka memahami dan seterusnya mengamalkan setiap perintah yang dibebankan ke atas mereka.[16] Firman Allah dalam surah al-Furqān ayat 32, yang bermaksud:

> *"Dan berkata orang kafir, kenapakah al-Qur'an tidak diturunkan kepadanya (Muḥammad) secara sekaligus? Demikian itu, semoga Kami memperkuatkan hatinya. Dan Kami telah turunkan kepada kamu sedikit demi sedikit secara berperingkat-peringkat."*

Al-Qurṭubī dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan bahawa al-Qur'an itu diturunkan secara berperingkat-peringkat dan sedikit demi sedikit adalah untuk menguatkan hati Nabi Muḥammad s.'a.w, memudahkan Baginda menghafal ayat-ayat tersebut, meneliti dan memahami dan sekaligus mengamalkan tanggugjawab yang dikenakan ke atasnya. Ini kerana, al-Qur'an yang diturunkan mengandungi banyak persoalan antaranya *nāsikh* dan *mansūkh*, *'ām* dan *khāṣ*, *muṭlaq* dan *muqayyad*, jawapan kepada berbagai persoalan dan berbagai-bagai lagi prinsip dalam perundangan Islam. Sekiranya diturunkan sekaligus sudah tentu ia menyukar Nabi dan umatnya ketika itu untuk menghafal, menghayati dan mengamalkan ajarannya walaupun menurunkan sekaligus itu sesuatu yang amat mudah bagi Allah s.w.t.[17] Persoalan pelaksanaan dan pengamalan ajaran yang diturunkan inilah yang

membezakan umat terdahulu dengan umat terkemudian sebagaimana yang dinyatakan oleh Sayyid Quṭb bahawa kelebihan yang ada pada umat terdahulu ialah kerana mereka memahami, menghayati dan sekaligus mengamalkan setiap perintah yang mereka terima menerusi al-Qur'an. Dan ini dapat dilakukan dengan berkesan apabila al-Qur'an diturunkan secara beperingkat-peringkat.[18] Ini bermakna penerimaan terhadap sesuatu undang-undang atau peraturan-peraturan itu lebih berkesan sekiranya ia dibuat secara beransur-ansur untuk mengelakkan bebanan dan tekanan dalam menerima dan melaksanakan sesuatu perintah itu.

## *Tadarruj* Dan Proses Pembaikan Undang-Undang

*Tadarruj* merupakan satu proses penting yang boleh menjadi mekanisma untuk menilai sama ada sesuatu undang-undang itu boleh diterima dan sesuai untuk dilaksanakan di dalam masyarakat atau pun tidak terutama dalam kes yang tidak ada ketentuan yang *qaṭ'ī* dalam al-Qur'an atau Sunnah. Oleh sebab itu kita lihat dalam perundangan Islam terdapat beberapa kaedah yang berfungsi sebagai agen penilai yang mana pelaksanaannya berlaku dalam bentuk *tadarruj,* antaranya ialah *nāsikh* dan *mansūkh, 'ām* dan *khāṣ, muṭlaq* dan *muqayyad.* Kaedah ini berlaku dalam bentuk *tadarruj* iaitu berperingkat-peringkat di mana satu hukum disyariatkan dan kemudian datang hukum lain merubah hukum sedia ada atau hukum awal tadi. Proses yang terjadi ini merupakan proses pengislahan undang-undang yang mana ianya mengambilkira kemaslahatan dan kebajikan ke atas umat Islam, di samping menyesuaikannya dengan keadaan dan suasana sesebuah masyarakat.[19] Ini dinyatakan dalam firman Allah:

> *"Kami tidak mansuhkan sesuatu ayat dan Kami tidak melupakannya melainkan Kami bawakan sesuatu yang lebih baik atau sama baik dengannya. Tidakkah kamu ketahui bahawa Allah berkuasa bagi setiap sesuatu."*[20]

Antara contoh *tadarruj* dan penyempurnaan undang-undang melalui proses *nāsikh* dan *mansūkh* ialah amalan menziarahi kubur. Pada awalnya ia diharamkan oleh Nabi s.a.w. kerana bimbang ia boleh menyebabkan berlakunya perkara-perkara syirik dan penyembahan berhala di kalangan umat Islam yang masih lemah iman mereka, sehinggalah ianya kemudian diharuskan sebagai salah satu cara untuk mengingati hari akhirat dan zuhud di dunia.[21] Selain itu ayat yang berkaitan dengan *'iddah* perempuan yang ditalak satu dan dua pada asalnya ialah tiga kali suci iaitu firman Allah yang bermaksud *"Dan perempuan-perempuan yang ditalak hendaklah mereka menunggu sehingga tiga qurū'."*[22] Ini bermakna ia merangkumi perempuan yang hamil dan sebagainya, sehinggalah datang ayat yang lainnya yang

men*takhsīs*kan keumuman ayat tersebut bagi perempuan yang hamil, sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"Dan perempuan-perempuan yang hamil yang dicerai suami mereka, 'iddah mereka ialah sehingga mereka melahirkan kandungan mereka."*[23]

Sebahagian dari kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas berlaku dalam bentuk sekaligus dan ada yang berlaku dalam bentuk *tadarruj*. Bentuk *tadarruj* digunapakai adalah bertujuan untuk membaiki dan menyempurnakan lagi sistem perundangan Islam bagi memudahkan masyarakat memahami sesuatu undang-undang, menghilangkan kekeliruan dan memudahkan mereka mengamalkan dan mematuhi peraturan atau undang-undang tersebut.

## Prinsip *Tadarruj* Dalam Pelaksanaan Hukum-Hukum Islam Masa Kini

Suatu persoalan yang menjadi tandatanya ialah apakah prinsip *tadarruj* ini masih relevan dalam melaksanakan undang-undang Islam selepas al-Qur'an sempurna diturunkan dan ketika mana undang-undang Islam tidak dilaksanakan sepenuhnya. Dari pengamatan penulis, prinsip *tadarruj* ini boleh digunapakai dilihat dari dua sudut:

Pertama, dari segi pelaksanaan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah sekiranya sesebuah kerajaan atau pihak ingin melaksanakan hukum-hukum Islam dalam situasi prasarana kepada pelaksanaannya yang masih belum sempurna maka konsep *tadarruj* ini perlu diadaptasikan. Adalah suatu tindakan yang salah, jika pelaksanaan undang-undang Islam ini dilakukan terus tanpa adanya persediaan dari berbagai sudut, antaranya kajian perundangan, meminta pandangan pakar-pakar dari pelbagai disiplin terutamanya dalam bidang perundangan, penyediaan qādi dan pegawai-pegawai mahkamah yang terlatih yang mana kesemuanya itu memerlukan masa dan tenaga yang banyak. Aspek persediaan ini penting supaya pelaksanaan undang-undang Islam nantinya tidak menimbulkan kegelisahan dan keresahan kepada masyarakat terutama dalam situasi kebanyakan masyarakat Islam yang jahil tentang hukum-hukum yang berkaitan dengan Islam yang cakupannya amat luas meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Keadaan ini lebih ketara bagi masyarakat bukan Islam yang sering ditakutkan dengan nama yang dikaitkan dengan Islam. Ini ditambah lagi dengan peranan media massa yang sering menggambarkan hukum Islam dalam bentuknya yang negatif. Jadi perlu bagi pihak yang ingin melaksanakan Islam terlebih dahulu mendidik masyarakat tentang hakikat hukum Islam yang sebenarnya. Penerangan ini bukan dalam ertikata bahawa semua masyarakat harus memahami undang-undang tersebut tetapi memadai jika dikatakan bahawa majoriti masyarakat sudah mengetahui undang-undang Islam tersebut.

Oleh kerana undang-undang Islam sangat luas yang merangkumi semua hal sebagaimana undang-undang ciptaan yang ada sekarang, maka pelaksanaannya memakan masa. Jadi adalah tidak praktikal kalau kita menunggu semua undang-undang ini siap sepenuhnya kemudian dilaksanakan sekaligus. Jadi kalau kita memakai prinsip *tadarruj* ini maka kita laksanakan sebahagian undang-undang yang telah sempurna dan kemudian sebahagian undang lain apabila ianya telah sempurna. Ini memandangkan bahawa sebahagian perundangan yang sedia ada seperti yang diamalkan di mahkamah-mahkamah Syariah sudah mempunyai asas kepada pembentukan undang-undang sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan muamalat atau ekonomi Islam, perundangan yang sedia ada sudah mampu menjadi asas kepada pembentukan sistem ekonomi Islam yang sempurna. Bagi aspek-aspek yang belum ada asasnya seperti undang-undang fitnah, pentadbiran dan perlembagaan, *tort* dan sebagainya, ia akan dilaksanakan kemudian. Jadi adalah kurang bijak untuk kita menanti keseluruhan undang-undang Islam itu sempurna barulah ingin dilaksanakan. Kalau kita memakai prinsip *tadarruj* ini, maka mana-mana undang-undang yang dianggap sempurna akan dilaksanakan dahulu diikuti undang-undang lain seterusnya. Melihat dari segi teknikalnya, ia menunjukkan bahawa konsep *tadarruj* ini tidak boleh dipisahkan sama sekali dalam pelaksanaan hukum-hukum Islam masa kini.

Satu lagi aspek pelaksanaan yang secara semulajadi memakai prinsip *tadarruj* ini ialah bilamana suatu pihak mampu untuk melaksanakan hukum Islam tetapi tidak dapat dilaksanakan sekaligus kerana halangan masa dan tenaga. Justeru itu, dalam peringkat persediaan dan kajian, ini hukum Islam yang sebenarnya tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu kita perlu mengekalkan hukum yang sedia ada buat sementara waktu sebelum hukum-hukum Islam dapat dilaksanakan sepenuhnya. Misalnya, hukum ḥudūd yang ingin dilaksanakan. Ia memerlukan kajian dan sebagainya. Dalam tempoh kajian tersebut sudah tentu hukum sedia ada misalnya kesalahan berzina hanya dikenakan denda RM3,000.00 atau penjara 3 tahun dilaksanakan. Jika selepas dua tahun, keadaan masih tidak mengizinkan, kita boleh tingkatkan hukuman mungkin 7 tahun penjara dan denda RM10,000.00. Dalam masalah zina ini atau jenayah yang terdapat dalam Enakmen Jenayah Negeri, segala prasarana perundangan ini sudah sedia ada. Tetapi jika ia berkaitan ḥudūd yang lain seperti mencuri, qazaf, membunuh yang tidak termasuk dalam Enakmen Jenayah Negeri maka keperluan kepada prinsip *tadarruj* ini tidak boleh dinafikan.

Kedua, dari segi hukuman. Prinsip *tadarruj* ini boleh digunakan dalam kes-kes yang kesalahannya hanya dikenakan hukuman berbentuk ta'zīr yang terserah kepada budibicara hakim atau pemerintah bagi mengenakan bentuk atau jumlah hukuman bagi sesuatu kesalahan itu. Misalnya, kesalahan tidak memakai hijab atau tudung atau kesalahan memandu laju, maka pada peringkat awal diringankan hukumannya kemudian selepas beberapa tahun ditingkatkan hukumannya bergantung kepada

suasana dan keadaan masyarakat. Dalam hal ini bentuk hukuman yang bersifat beransur-ansur, bermula dengan hukuman yang ringan dan denda yang sedikit kepada yang lebih berat yang mana kesemuanya bergantung kepada keadaan dan suasana.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas kita dapati bahawa prinsip *tadarruj* merupakan antara asas dalam pelaksanaan undang-undang Islam. Ianya masih lagi sesuai dan perlu dalam melaksanakan hukum Islam walaupun hukum-hukum Islam itu telah sempurna selepas selesainya penurunan al-Qur'an. Ini ditegaskan oleh Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī yang menyatakan bahawa "Sekiranya kita ingin menegakkan (masyarakat Islam yang hakiki) maka jangan kita sangka ianya dapat ditegakkan dengan tulisan pena atau dengan perintah daripada raja atau ketua negara atau majlis pemerintah atau parlimen. Tetapi masyarakat Islam yang hakiki hanya dapat dibina melalui jalan beransur-ansur, yang saya maksudkan ialah dengan persediaan dan persiapan pemikiran, psikologi, akhlak dan juga kemasyarakatan."[24] Persoalan terburu-buru ingin melaksanakan hukum Islam dengan mengabaikan aspek prasarana dalam pelaksanaan hukum Islam hendaklah ditinggalkan. Apa yang penting ialah keikhlasan, bilamana sudah ada tekad dan keazaman untuk melaksanakan hukum-hukum Islam maka biarlah kita berperingkat-peringkat dalam melaksanakannya agar pelaksanaannya sempurna dan tidak mengundang banyak permasalahan. Sekalipun kesempurnaan ini memang sukar dicapai, tetapi boleh dicapai melalui pembaikan dari masa ke semasa dengan syarat pelaksanaan tersebut hendaklah meminimakan sebanyak mungkin permasalahan yang bakal atau mungkin timbul. Persoalan sama ada sesuatu undang-undang itu sudah sesuai untuk dilaksanakan atau tidak hendaklah diserahkan kepada pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan. Faktor keikhlasan ini boleh diikat dengan faktor masa iaitu meletakkan tempoh masa tertentu misalnya dua tahun atau tiga tahun atau empat tahun atau sebagainya yang difikirkan perlu bagi menyediakan prasarana berkaitan bagi melaksanakan hukum Islam sepenuhnya. Faktor penetapan masa ini penting bagi mengelakkan prasangka bahawa prinsip *tadarruj* ini digunakan sebagai alasan untuk tidak melaksanakan hukum Islam.

## Nota Hujung

1. Muhammad Khudari Bek, *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Dār al-Fikr, Beirut, 1967, hal. 18.
2. Yūsuf, Al-Qaradāwī, *al-Khaṣā'iṣ al-'Āmmah li al-Islām*, Maktabah Wahbah, Qaherah, 1986, hal. 163.
3. Yūsuf, Al-Qaradāwī, *op.cit.* hal. 163.
4. Al-Qaṭṭān, Mannā', *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmī*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1995, hal. 46.
5. Muhammad Khudari Bek, *op.cit*, hal. 17-18.
6. Abdul Basir Mohamad dan Jafril Khalil, *Modul Sejarah Perundangan Islam*, modul 13, Pusat Pengajian Luar Kampus, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998, hal. 14.
7. *Ibid.;* Said Ibrahim, *Manhaj Ilmu Fiqh*, Dār al-Ma'rifah, Kuala Lumpur, 1997, hal. 144-146.
8. 'Abd. al-Karīm Zaydān, *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1987, hal. 378.
9. Al-Qur'an, 2: 185.
10. Al-Qur'an, 4: 28.
11. Yūsuf Al-Qaradāwī, *Hukum Zakat*, terj. Drs. Salman Harun *et.al.*, Pustaka Nasional, Singapura, 1987, hal. 60-62.
12. Al-Qur'an, 30: 38.
13. Al-Qur'an, 17: 26.
14. Al-Qur'an, 14: 106.
15. Al-Qurṭubī, Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Anṣārī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān,* jil. 10, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1988, hal. 220.
16. Al-Qaṭṭān, Mannā', *op.cit*, hal. 51.
17. al-Qurṭubī, *op.cit*: 13/20-21.
18. Sayyid Quṭb, *Ma'ālim fī al-Ṭarīq*, Riyāḍ: Ittiḥād al-Islāmī al-'Alāmī, 1985, 14-16.
19. Al-Zuhaylī, Wahbah, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī,* juz. 2, Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, Beirut, 1986, hal. 936.
20. Al-Qur'an, 2: 106.

21. Al-Zuhaylī, *op.cit*, 2/938.
22. Al-Qur'an, 2:228.
23. Al-Qur'an, 65: 4.
24. Yūsuf Al-Qaradāwī, *op.cit*, hal. 164.